



27 JUL, 2024

## Kastam rampas 16 kereta mewah, rokok seludup

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

# Kastam rampas 16 kereta mewah, rokok seludup

Hasil rampasan bernilai lebih RM4.5 juta dalam dua serbuan berbeza di ibu negara dan Pahang

**KUALALUMPUR:**Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 16 kenderaan mewah dan 1.2 juta batang rokok seludup bernilai lebih RM4.5 juta dalam dua serbuan berbeza di ibu negara dan Pahang, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata, dalam serbuan terhadap sebuah gudang berlesen di Jalan Pahang, Setapak di sini pada 24 Jun lepas, pihaknya telah merampas kereta mewah berkenaan dipercayai disimpan melebihi tempoh dibenarkan iaitu 48 bulan.

"Pihak pengimport dipercayai gagal mengikrarkan kenderaan yang masih belum dibayar cukai kepada JKDM," katanya pada sidang media di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semalam.

Beliau berkata, cukai terhadap kenderaan import perlu dijelaskan dalam tempoh empat tahun sebaik sahaja kenderaan tiba di pelabuhan, namun terdapat pihak yang gagal berbuat demikian dan terus menyimpan kenderaan itu di gudang berlesen.

Kereta yang dirampas antaranya ialah Audi dan

**"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara daripada segi ketirisan hasil, tetapi juga turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat."**

**Norlela Ismail**  
Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah

Mercedes-Benz dengan jumlah sitaan kenderaan dianggarkan bernilai RM1.2 juta manakala jumlah cukai dan duti import terlibat dianggarkan RM2.35 juta.

Sementara itu, Norlela berkata, pihaknya mematahkan kegiatan pengedaran rokok seludup dalam serbuan terhadap sebuah rumah teres di Taman Shahzhan, Kuantan, Pahang pada 13 Julai.

"Rokok berkenaan dipercayai dibawa masuk dari negara jiran menggunakan jalan tikus," katanya menambah hasil rampasan termasuk cukai dianggarkan bernilai lebih RM970,000.

Beliau berkata, kedua-dua kes disiasat di bawah Akta Kastam 1967 iaitu mengimport dan mengeksport barang tidak berkastam atau larangan

import di bawah Seksyen 135 (1)(a).

Norlela meminta orang ramai membantu Jabatan Kastam memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah dan kenderaan.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara daripada segi ketirisan hasil, tetapi juga turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat," katanya. — Bernama

**BUKTI:** Norlela menunjukkan sebahagian 16 kenderaan import yang disyaki tak berkastam disimpan melebihi tempoh di dalam gudang ketika sidang media di Kompleks Kastam WPKL, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama





27 JUL, 2024

## Kastam rampas 16 kereta mewah, rokok seludup

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Hasil rampasan bernilai lebih RM4.5 juta dalam dua serbuan berbeza di ibu negara dan Pahang

KUALA LUMPUR: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 16 kenderaan mewah dan 1.2 juta batang rokok seludup bernilai lebih RM4.5 juta dalam dua serbuan berbeza di ibu negara dan Pahang, baru-baru ini.